

36

SOALAN NO: 114

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL

SOALAN:

Dato' Sri Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada terdapat kuota khusus bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam membuat permohonan di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) serta keistimewaan seperti pinjaman pendidikan dan sebagainya yang boleh diberikan kepada mereka.

PR-1353-T01251

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) menawarkan latihan kemahiran kepada Orang Kurang Upaya (OKU) yang bersesuaian di pusat latihan di seluruh Negara bagi melahirkan tenaga kerja mahir bagi memenuhi keperluan pasaran pekerjaan Negara.
2. Tiada kuota khusus bagi pengambilan OKU, walau bagaimanapun JTM akan memberi keutamaan kepada calon OKU yang berkeelayakan dan menawarkan kursus mengikut keupayaan calon OKU tersebut untuk memasuki Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) bagi menjalani latihan kemahiran berkaitan.
3. Bidang latihan yang ditawarkan adalah merangkumi bidang-bidang kemahiran seperti Mekanikal dan Pengeluaran, Elektrikal dan Elektronik, ICT, Sivil dan Bangunan, Bukan Logam dan Percetakan. Sebagai contoh, seorang pelajar OKU yang kecacatan tangan kanan ditawarkan kursus Teknologi Komputer (Sistem) di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Terengganu, seorang pelajar OKU kabur penglihatan ditawarkan kursus Teknologi Komputer (Rangkaian) di ILP Kangar, pelajar OKU yang bermasalah pendengaran ditawarkan kursus Teknologi Cadd Mekanikal di ILP Pedas dan pelajar OKU yang kaki pendek sebelah ditawarkan kursus Teknologi Kimpalan

Arka & Gas di ILP Jitra dan mampu mengikuti kursus tersebut dengan jayanya.

4. Pelajar OKU yang mengikuti latihan TVET akan diberi keistimewaan dengan mendapat elaun bulanan sebanyak RM300 sebulan di sepanjang pengajian berbanding dengan pelajar normal menerima sebanyak RM100 sebulan.

5. Dari tahun 2007 sehingga pengambilan Julai 2017, seramai 204 orang pelajar OKU telah menjalani latihan di 32 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia.